

5

Zaman Air Batu

Jawab semua soalan.

1. Zaman Air Batu ialah zaman bumi dilitupi oleh air batu disebabkan oleh suhu yang rendah.

BUKU
TEKS
m.s. 61

(a) Apakah epok Zaman Air Batu Akhir?


Mengingat Tajuk 2 Aras S [2 markah]

(b) Bagaimanakah perubahan pada Zaman Air Batu Akhir berlaku?

Menganalisis Tajuk 2 Aras T [3 markah]

2. Rajah berikut menunjukkan garis masa Zaman Air Batu Akhir.

BUKU
TEKS
m.s. 62



(a) Apakah **dua** jenis haiwan yang wujud pada zaman Epok Pleistosen?

Mengingat Tajuk 2 Aras S [2 markah]

(b) Perubahan zaman telah menyebabkan kepupusan haiwan tersebut.
Apakah pengajaran yang boleh diambil daripada peristiwa tersebut?

Menilai Tajuk 2 Aras T [3 markah]

3. Peningkatan suhu pada Zaman Air Batu Akhir telah menyebabkan berlaku perubahan pada bentuk fizikal dan hidupan bumi.

BUKU
TEKS
m.s. 64

(a) Apakah perubahan yang berlaku pada iklim?

Memahami Tajuk 2 Aras S [2 markah]

(b) Pada pendapat anda, apakah kepentingan perubahan yang berlaku akibat peningkatan suhu tersebut?

Menilai Tajuk 2 Aras T [3 markah]

4. Kecairan air batu yang berlaku pada Zaman Air Batu Akhir adalah disebabkan oleh berlakunya peningkatan suhu bumi.

BUKU
TEKS
m.s. 65

(a) Apakah kesan kecairan air batu pada Zaman Air Batu Akhir?


Mengingat Tajuk 2 Aras S [2 markah]

(b) Jelaskan iktibar yang boleh diperolehi daripada perubahan yang berlaku.

Menilai Tajuk 2 Aras T [3 markah]

5. Rajah di bawah menunjukkan Pentas Sunda.

BUKU
TEKS
m.s. 66
- 67



(a) Apakah maksud Pentas Sunda?

Mengingat Tajuk 2 Aras S [2 markah]

(b) Jelaskan pengaruh kenaikan paras air laut kepada Pentas Sunda.

Menilai Tajuk 2 Aras T [3 markah]

6. Perubahan Zaman Air Batu Akhir memberikan kesan kepada manusia dan haiwan.

BUKU
TEKS
m.s. 66
- 67

(a) Bagaimanakah manusia beradaptasi dengan perubahan Zaman Air Batu Akhir?

Mengaplikasi Tajuk 2 Aras S [2 markah]

(b) Cadangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk memelihara dan memulihara alam sekitar.

Mencipta Tajuk 2 Aras T [3 markah]


6

Zaman Prasejarah

Jawab semua soalan.

1. Rajah berikut menunjukkan alat yang digunakan mengikut zaman.

BUKU
TEKS
m.s. 75



(a) Apakah zaman X dan Y berdasarkan alat yang digunakan?

Mengingat Tajuk 3 Aras S [2 markah]

(b) Pada pendapat anda, mengapakah berlaku perubahan kehidupan pada zaman prasejarah?

Menilai Tajuk 3 Aras S [3 markah]

2. Di negara kita terdapat beberapa lokasi yang menjadi petempatan manusia pada zaman prasejarah. Kewujudan manusia zaman prasejarah tersebut dibuktikan dengan penemuan pelbagai artifak dan fosil.

BUKU
TEKS
m.s. 76
- 77

(a) Di manakah **dua** lokasi petempatan prasejarah yang terdapat di negara kita?

Mengingat Tajuk 3 Aras S [2 markah]

(b) Jelaskan sebab-sebab bahan penemuan arkeologi seperti artifak dan fosil perlu dipelihara dan dipulihara.

Menilai Tajuk 3 Aras T [3 markah]

3. Ilustrasi berikut menunjukkan masyarakat pada Zaman Paleolitik dan Zaman Neolitik.

BUKU
TEKS
m.s. 78



Zaman Paleolitik



Zaman Neolitik

(a) Bandingkan kegiatan sosial manusia pada Zaman Paleolitik dengan Zaman Neolitik.

Menganalisis Tajuk 3 Aras S [2 markah]

(b) Huraikan iktibar yang diperoleh daripada perkembangan sosial masyarakat zaman prasejarah.

Menilai Tajuk 3 Aras T [3 markah]

4. Kegiatan ekonomi telah bermula sejak Zaman Paleolitik tetapi terdapat perbezaan antara zaman kerana kehidupan manusia mengalami perkembangan dan kemajuan.

BUKU
TEKS
m.s. 79

(a) Apakah kegiatan ekonomi manusia Zaman Paleolitik?

Mengingat Tajuk 3 Aras S [2 markah]

(b) Jelaskan maksud perdagangan secara tukar barang.

Memahami Tajuk 3 Aras S [3 markah]

5. Ilustrasi berikut merujuk kepada kehidupan manusia Zaman Logam.

BUKU
TEKS
m.s. 79



(a) Apakah aktiviti ekonomi utama yang dilakukan oleh mereka?

Mengingat Tajuk 3 Aras S [2 markah]

(b) Huraikan perubahan demi perubahan yang berlaku pada setiap peringkat zaman.

Menganalisis Tajuk 3 Aras T [3 markah]

6. Manusia pada zaman prasejarah telah mula mencipta peralatan untuk memudahkan pekerjaan mereka. Kemajuan dalam teknologi telah membantu perkembangan bidang penciptaan.

BUKU
TEKS
m.s. 80
- 81

(a) Apakah nilai yang boleh dicontohi daripada pencapaian manusia zaman prasejarah?

Memahami Tajuk 3 Aras S [2 markah]

(b) Jelaskan kesan daripada perubahan teknologi pada zaman kini.

Menilai Tajuk 3 Aras T [3 markah]